

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

TSTAR M/S 14 NATION
102,646 27/11/2024
(RABU)

units of old medical equipment still in use

A TOTAL of 102,646 units of the Health Ministry's medical equipment have exceeded 10 years of usage and are still being utilised, the Dewan Rakyat was told.

However, it stressed that it places an emphasis on ensuring all this equipment can be utilised safely, with the maintenance work performed on it adhering to manufacturers' standards.

Various measures were taken to ensure the equipment was in good condition, the ministry added.

This includes procuring equipment through rentals, thus ensuring the received items are in line with the latest technologies and in good condition.

"Centralised procurements are also carried out to further empower the ministry's purchasing power and provide greater value for money without the quality being compromised.

"The Medical Programme Information System is also established to record all medical equipment requirements in an efficient and convenient manner," it said in a written reply yesterday.

It was responding to a question by Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (IND-Tanjong Karang), who asked about the number of medical equipment aged 10 years and more still being used and measures to tackle its use.

Zulkafperi also asked about the status of the ministry's vehicles.

To this, it said Phase One of ambulance replacements currently underway involve 590 ambulance units and 41 patient transport service vehicles, costing RM265.5mil.

Under Phase Two of ambulance procurement, RM304mil of allocations have been approved, the ministry said.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

BH M/S 4 NASIONAL 27/11/2024 (RABU)

KKM perhalusi hasil dapatan, syor lima persatuan jururawat

Keputusan lanjutan waktu bekerja perlu dibuat secara tuntas, teliti realiti berdasar 'data dan maklumat'

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua hasil dapatan serta cadangan daripada lima persatuan yang mewakili perkhidmatan jururawat mengenai lanjutan waktu bekerja profesion itu akan diperhalusi, diteliti dan dipertimbangkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM). Menteri Kesihatan, Datuk Seri

Dr Dzulkefly Ahmad, berkata beliau mengikuti semua perkembangan berkaitan arahan baharu di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang memerlukan jururawat di wad hospital bekerja tambahan tiga jam seminggu bermula 1 Disember ini. "Saya mengikuti penuh sedar, segala input yang diberikan pelbagai pihak berkenaan waktu bekerja jururawat di bawah sistem baharu SSPA.

"Saya juga menerima baik kenyataan daripada lima persatuan jururawat berkenaan hal ini yang juga mahu meninjau dan mendalami dari libat urus mereka. "Sehubungan itu, saya akan meneliti dan menimbang cadangan daripada tinjauan terbabit," katanya menerusi hantaran di platform sosial X, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan keputusan menambah jumlah wak-



tu bekerja itu dinyatakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan SSPA.

Susulan itu, perubahan yang diumumkan di bawah SSPA merangkumi semua petugas yang bekerja syif khasnya Jururawat.

Berpaksi sifat ihsan, empati
Dr Dzulkefly menjelaskan, segala keputusan yang muktamad seharusnya dibiar secara tuntas untuk memastikan keadaan lebih adil kepada pihak terkesan.

"Keputusan juga perlu dibuat secara tuntas dengan meneliti realiti berdasarkan 'data dan maklumat' sebenar, sama ada terkait matriks taburan bersabit kekurangan-acute shortages atau hal maldistribution-maldistribution.

"Justeru, saya ingin menekankan, perkhidmatan Kementerian Kesihatan adalah bersifat keseluruhan, berpaksikan sifat ihsan dan empati.

"Ini sudah pasti nilai itu mesti dihayati dahulu dalam pengurusan warga kerja kami, dari mula sehingga ke penamatnya.

"Oleh itu, saya mohon agar warga KKM yang terkesan oleh perubahan ini dapat bersabar sementara kita memperhalusi segera perkara ini dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata, sesi libat urus yang membabitkan pelbagai pihak akan dilakukan termasuk

membabitkan pembabitkan Bahagian Kejururawatan dan pertubuhan jururawat seperti yang diaturkan.

"Sama-sama kita ikhtiar agar kebajikan, kesihatan dan kesejahteraan semua petugas perkhidmatan kesihatan KKM dan pihak awam dan swasta yang lain, tetap terjaga dan dibela," katanya.

Media sebelum ini melaporkan Dr Dzulkefly menyifatkan arahan baharu bawah SSPA yang memerlukan jururawat di wad hospital bekerja tambahan tiga jam seminggu mulai 1 Disember ini, sebagai munasabah.

Beliau dipetik berkata, walaupun jururawat perlu bekerja 45 jam seminggu berbanding 42 jam sebelum ini, kebajikan mereka akan lebih terjaga melalui waktu kerja syif yang lebih fleksibel.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

BH M/S: 7 NASIONAL 27/11/2024 (RABU)

Saringan Minda Sihat untuk semua murid

KPM akan laksana sekali dalam setahun sebagai mekanisme pengesanan awal gangguan emosi

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) akan melaksanakan Saringan Minda Sihat terhadap semua murid dan pelajar dari Tahun Lima hingga Tingkatan Enam, sebagai mekanisme pengesanan awal bagi mengenal pasti murid yang berdepan gangguan emosi.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata Saringan Minda Sihat itu akan dilaksanakan sekali dalam setahun, manakala saringan untuk mereka yang dikenali pasti mempunyai masalah gangguan emosi teruk dan sangat teruk, akan dilakukan dua kali setahun.

"Yang kedua adalah intervensi. Murid yang menunjukkan tanda-tanda awal kemurungan akan diberikan bantuan segera melalui intervensi berfokus menggunakan modul minda sihat, modul program intervensi minda sihat (Prisma) dan modul kesihatan mental remaja," katanya ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, Fadhlina berkata, modul berkenaan menerapkan kemahiran menangani tekanan dan menyelesaikan masalah serta menguruskan emosi dengan baik.

Katanya, KPM menyediakan akses kepada bahan psikopendidikan yang disebar luas melalui infografik, video pendek, laman minda sihat, panduan kesejahteraan diri di pelbagai platform media sosial.

"Turut disediakan, talian sokongan psikososial melalui panggilan telefon, aplikasi WhatsApp dan Telegram untuk menyampaikan maklumat dan saluran kepada murid untuk mendapatkan bantuan apabila berhadapan sesuatu masalah atau kekeliruan minda," katanya.

Fadhlina berkata, bagi murid dan pelajar yang dikenal pasti mempunyai tahap kemurungan yang teruk dan sangat teruk, pihak sekolah akan mengadakan sesi konsultasi bersama ibu bapa atau penjaga sebelum anak mereka dirujuk kepada pakar perubatan untuk mendapatkan rawatan yang diperlukan.

Melalui sesi konsultasi itu, ibu bapa atau penjaga turut didedahkan kepada pelbagai aktiviti teknik relaksasi yang boleh digunakan menyokong kesejahteraan minda, meningkatkan kemahiran gaya daya tindak dan penjagaan diri anak ketika berada di rumah.

"KPM turut bekerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi penyediaan garis panduan sistem rujukan murid dengan masalah kesihatan men-

tal dan pelaksanaan *Health Promotion in Learning Institutions (HePILI)*.

"Kolaborasi itu turut dilaksanakan bersama Yayasan Hasanah dalam pembangunan kapasiti dan literasi kesihatan mental membabitkan guru, Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) serta ibu bapa," katanya.

Indeks kesejahteraan psikologi guru

Mengulas lanjut, Fadhlina berkata, KPM turut melaksanakan saringan kesejahteraan psikologi guru melalui pemprofilan kesejahteraan guru menggunakan Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi).

Katanya, 92.7 peratus guru memiliki profil kesejahteraan psikologi.

"KPM juga sedang membangunkan Indeks Kesejahteraan Guru (IKG) untuk mengukur kesejahteraan guru melalui domain ketersediaan dan penggunaan sumber, autonomi dan kompetensi guru, keselarasan kerja dan persekitaran, kesejahteraan psikologi serta sistem sokongan," katanya.

Bellau menjawab soalan Tan Kar Hing (PH-Gopeng) sama ada KPM akan memperkenalkan program sokongan psikologi dan kaunseling yang lebih menyeluruh untuk pelajar dan guru, khususnya selepas berlakunya insiden tragik seperti di Sekolah Kuen Cheng dan Sekolah Menengah Chung Hua.

Fadhlina berkata, keputusan KPM memansuhkan pembelajaran berorientasikan peperiksaan juga bertujuan mengurangkan tekanan kepada mereka.

TIP PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL

Elak pengambilan rokok, dadah dan alkohol.

Lakukan aktiviti fizikal seperti senaman, berjalan dan beriadah.

Sentiasa berhubung dengan keluarga dan rakan.

Makan makanan sihat.

Bijak mengurus masa.

Lakukan aktiviti yang anda sukai, minat dan bermanfaat.

Kongsi perasaan anda dengan orang yang dipercayai.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Infografik Uti

Sehubungan itu, beliau berkata, KPM mengambil pendekatan agar tumpuan pembelajaran di sekolah berasaskan *inquiry* (pertanyaan), eksplorasi, pengalaman, *contextual* (mengikut konteks) serta pentaksiran yang sepenuhnya melihat kepada pembangunan holistik murid.

"Pentaksiran bilik darjah ini akan beri satu tanda aras lebih baik khususnya untuk melihat dan menilai anak lebih holistik

membabitkan komponen pentaksiran bilik darjah, jasmani, sukan dan kurikulum dan juga psikometrik serta kecenderungan murid.

"Pendekatan yang kita ambil untuk memastikan tiada lagi tumpuan diberikan kepada orientasi peperiksaan dan mengurangkan tekanan mereka, sebaliknya menawarkan satu ekosistem pembelajaran jauh lebih menarik," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

2 NASIONAL
SINAR HARIAN • RABU 27 NOVEMBER 2024

TELLUS & TULLUS
Sinar
Harian

TELLUS & TULLUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN
Oleh FARAH SHAZWANI ALI dan DIANA AZIS

SINAR HARIAN M/S 2 NASIONAL 27/11/2024 (RABU)

Kesan murid alami gangguan emosi

Murid Tahun Lima
hingga Tingkatan
Enam jalani Saringan
Minda Sihat

KUALA LUMPUR

Kementerian Pendidikan (KPM) melaksanakan Saringan Minda Sihat sebagai mekanisme pengesanan awal mengenal pasti murid yang menghadapi masalah gangguan emosi, kata Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh.

Beliau berkata, inisiatif itu di-

laksanakan sekali setahun kepada semua murid Tahun Lima hingga Tingkatan Enam, manakala murid yang dikenal pasti mempunyai masalah gangguan emosi teruk dan sangat teruk akan dilaksanakan Saringan Minda Sihat dua kali setahun.

Pada masa sama, katanya murid yang menunjukkan tanda awal kemurungan akan diberikan bantuan segera melalui intervensi berfokus menggunakan Modul Minda Sihat, Modul Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA) dan Modul Kesihatan Mental Remaja.

"Modul-modul ini menerapkan kemahiran menangani stres, kemahiran menyelesaikan masalah dan menguruskan emosi dengan baik," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, pada Isnin bagi menjawab soalan yang dikemukakan **Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PH-Bandar Tun Razak)**.

Dr Wan Azizah bertanyakan tentang langkah yang diambil kementerian susulan laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) yang merekodkan 12.3 peratus remaja berumur 15 hingga 17 tahun yang mendiami Projek

Perumahan Rakyat (PPR) di Lembah Klang, mengalami masalah kesihatan mental dan cenderung membunuh diri.

Laporan sebelum ini menyebut, saiz PPR dengan ruang disediakan sangat terhad dan ditambah jumlah ahli keluarga yang ramai dikatakan punca remaja keluar rumah seterusnya mengambil barang terlarang sehingga menjejaskan prestasi mereka di sekolah.

Menurut Kah Woh seperti dipetik *Bernama*, KPM menyediakan akses bahan psikopendidikan yang disebarkan melalui infografik, video pendek, laman minda sihat, dan panduan kesejahteraan diri di pelbagai platform media sosial.

Bagi murid yang dikenal pasti mempunyai tahap kemurungan yang teruk dan sangat teruk, pihak sekolah akan mengadakan sesi konsultasi bersama ibu bapa atau penjaga murid dengan anak mereka dirujuk kepada pakar perubatan di klinik kesihatan atau hospital berdekatan untuk mendapatkan rawatan.

Melalui sesi konsultasi tersebut, Kah Woh berkata, ibu



Kah Woh menjawab soalan di Dewan Rakyat pada Selasa.

bapa atau penjaga turut didedahkan kepada pelbagai aktiviti teknik relaksasi dan *mindfulness* yang boleh digunakan bagi menyokong kesejahteraan minda anak-anak.

KPM juga bekerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan bagi penyediaan garis panduan sistem rujukan murid dengan masalah kesihatan mental dan pelaksanaan *Health Promotion in Learning Institutions (HePiLI)*.

Tahun lalu, *Sinar Harian* melaporkan masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar didapati semakin membimbang-

kan dengan bilangan pelajar yang mempunyai idea untuk membunuh diri meningkat kepada 13.1 peratus pada 2022 membabitkan lebih 4,300 orang, berbanding 10 peratus pada lima tahun sebelumnya.

Tinjauan Kesihatan Remaja (AHS) oleh Institut Kesihatan Umum Kementerian Kesihatan Malaysia ke atas 33,523 pelajar berusia 13 hingga 17 tahun pada tahun 2022 itu turut mendedahkan peningkatan peratusan mereka yang mempunyai tingkah laku merancang untuk membunuh diri.



Muka depan *Sinar Harian* pada 5 Julai 2023.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

KOSMO M/S 2 NEGARA 27/11/2024 (RABU)

Derita mangsa klinik estetik haram

DARI MUKA 1

Tidak cukup dengan itu, mangsa dikenali sebagai Lin juga terpaksa berhabis ribuan, ringgit termasuk 'terbang' ke Thailand untuk rawatan sehinggalah sebahagian payudaranya terpaksa dibuang.

Wanita berusia 40-an itu berkata, semuanya bermula selepas dia mendapatkan rawatan daripada sebuah klinik estetik yang mempromosikan prosedur 'breast filler' di media sosial.

Jelasnya, dia mula menjalani rawatan pada tahun 2016 sebelum melakukan prosedur tambahan pada tahun-tahun berikutnya semata-mata untuk kelihatan seksi dan menawan.

"Sesiapa sahaja yang melakukan prosedur ini pasti akan ketagih. Mula-mula cucuk muka dan selepas nampak keberkesannya, cucuk lagi anggota badan yang lain.

"Kemuncaknya adalah untuk membesarkan payudara," dedahnya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Lin, apa yang membuatnya dia tertarik adalah harga bagi rawatan di klinik estetik tidak berdaftar itu jauh lebih murah berbanding klinik berdaftar.

Katanya, dia membelanjakan kira-kira RM5,000 bagi satu sesi dan harga tersebut juga bergantung kepada berapa banyak 'filler' yang dimasukkan ke dalam payudara.

"Klinik estetik ini mempunyai 'jururawat' mereka sendiri. Jadi, kita akan rasa yakin dan tidak takut ketika melakukan prosedur



LIN terpaksa menghabiskan kos sehingga RM35,000 untuk merawat semula payudaranya yang mengalami kesan teruk akibat prosedur kecantikan di klinik estetik tidak berdaftar. — GAMBAR HIASAN

kecantikan.

"Bagaimanapun, situasi berubah pada tahun 2021 apabila saya mula mendapat jangkitan teruk di mana tempat yang dicucuk 'filler' itu bocor sehingga keluar cecair seperti nanah dan darah," katanya lagi.

Jelas Lin, dia mengambil masa kira-kira sebulan untuk kembali pulih selepas menjalani rawatan di klinik yang sama ketika membesarkan payu dara.

"Tidak lama selepas itu, payudara jadi lebih teruk menyebabkan saya pergi ke sebuah klinik lain dan pihak tersebut menjanjikan payudara saya boleh

dikembalikan ke bentuk asal.

"Pihak klinik itu juga memaklumkan bahawa bahan yang digunakan untuk prosedur itu dibeli dari hospital. Selepas melihat pada profil mereka di Instagram, memang ada tunjuk mereka sedang menjalani latihan dan ia membuatkan saya yakin untuk jalani rawatan di situ," katanya.

Bagaimanapun katanya, selepas prosedur pertama dijalankan, keadaan kesihatannya merudum sehingga dia mengalami demam panas selama tujuh hari.

"Mereka minta saya datang semula untuk menjalani pemeriksaan dan hasilnya, saya tidak

mengalami jangkitan dan mula beransur pulih. Selepas tempoh dua minggu, saya datang semula untuk buat rawatan susulan dan mereka maklumkan saya perlu tambah lagi 'filler' bagi mendapatkan bentuk payudara yang normal."

"Saya bersetuju, namun rawatan tidak berjalan seperti dirancang. Saya mengalami sesak nafas sehinggalah mereka takut dan terus berhenti memasukkan 'filler' tersebut," ujarnya.

Susulan daripada prosedur itu, Lin mula merasa sakit dan seolah-olah terdapat ketulan di bahagian bawah payudaranya

menyebabkan dia menanggung kesakitan yang lama iaitu hampir setahun.

"Mahu pergi hospital, tak akan ada hospital yang terima masalah saya ini menyebabkan saya terpaksa ke Bangkok, Thailand. Malangnya, tiga hospital menolak merawat kes saya kerana risiko untuk meninggal dunia amat tinggi."

"Mereka maklumkan apa yang dimasukkan dalam payudara saya ini bukan 'filler' tetapi silikon. Ada hospital di sana maklumkan jika saya jalani rawatan di sana, saya perlu duduk sehingga dua bulan supaya mereka dapat pantau dan hanya boleh balik ke Malaysia jika betul-betul 'pulih,' katanya.

Lin kemudian pulang semula ke Malaysia dan mendapatkan pemeriksaan di dua buah hospital swasta dan akhirnya terdapat sebuah hospital yang boleh merawat payudaranya dengan kos mencecah RM35,000.

"Keadaan saya ketika itu memang sudah teruk. Doktor beri tarikh pembedahan dan jangkaan mereka prosesnya mengambil masa hingga enam jam."

"Selepas duit mencukupi, saya lalui prosedur itu dan separuh bahagian, bawah payudara saya terpaksa dibuang kerana kulit di bahagian itu sudah mati," ujarnya.

Katanya, apa yang dikesalkan ialah klinik estetik atau spa yang menyebabkan keadaan dirinya menjadi teruk itu masih lagi beroperasi dan mempromosikan rawatan mereka secara berleluasa.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 12 NASIONAL 27/11/2024 (RABU)

85% penjawat awam tandatangan SSPA

JPA perkasa sesi penerangan pastikan baki 15 peratus pilih opsyen tersebut

PUTRAJAYA

Sebanyak 85 peratus daripada 1.4 juta penjawat awam telah menandatangani opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) setakat ini, menjelang pelaksanaan sistem itu yang dijadualkan berkuat kuasa pada 1 Disember ini, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Beliau berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang memperkasakan sesi penerangan untuk memastikan baki 15 peratus lagi penjawat awam memilih opsyen berkenaan.

"Dari segi peratusan, 85 peratus sudah setuju menandatangani SSPA. Yang baki (15 peratus), saya difahamkan JPA akan bekerja keras memberikan penerangan sebab ada yang masih tidak jelas disebabkan mereka terima maklumat tidak tepat yang diperolehi di media sosial," katanya.

Shamsul Azri berkata demi-

kian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan bertajuk 'Taat Setia Reformasi Penjawat Awam' pada Seminar Kenegaraan Malaysia Madani: Taat Setia anjuran Akademi Kenegaraan (AKAM) di sini pada Selasa.

Pada 13 September lepas, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dilaporkan berkata, penjawat awam mempunyai tempoh opsyen selama 40 hari bermula 21 Oktober hingga 30 November ini untuk memilih sama ada SSPA atau kekal dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM), sebelum ia berkuat kuasa 1 Disember ini.

Susulan itu, Shamsul Azri menasihatkan penjawat awam yang masih keliru mengenai manfaat SSPA agar tidak sewenang-wenangnya menerima maklumat yang diperolehi dari media sosial sebaliknya membuat rujukan dengan JPA.

"Sebab yang memperkenalkan SSPA adalah JPA, maka rujuklah kepada JPA, dengarlah nasihat mereka, dan ikutlah sesi libat urus yang dijalankan oleh JPA," katanya.

Beliau mahu JPA dijadikan sebagai sumber rujukan yang sahih bagi kesemua penjawat



SHAMSUL AZRI

awam di negara ini bagi mengelak sebarang kekeliruan yang boleh menghalang mereka daripada membuat pilihan yang tepat berkaitan opsyen SSPA.

Pada 12 November lepas, kerajaan mengambil inisiatif mewujudkan Pusat

Panggilan Setempat SSPA sebagai platform untuk memberi penjelasan tepat bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam kalangan penjawat awam berhubung sistem saraan baharu itu.

Sejak pengenalan SSPA melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2024 pada 13 September lepas, sebanyak 54 sesi libat urus telah dilaksanakan untuk memberikan penerangan mengenai sistem saraan itu.

Pengenalan SSPA adalah sebahagian daripada Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam yang lebih besar, bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam selain membantu mengurangkan kos sara hidup bagi pegawai awam.

Sistem saraan baharu ini dibangunkan sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kecukupan sektor awam, selaras dengan dasar Malaysia Madani. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : FORUM

UTUSAN MALAYSIA M/S 19 FORUM 27/11/2024

(RABU)



KAKITANGAN perubatan kerajaan merupakan kumpulan yang menanggung tekanan kerja paling besar dalam sektor awam.

Beri perhatian isu hospital kerajaan sesak

PERCEPATKAN usaha meningkatkan kemudahan hospital kerajaan serta melaksanakan reformasi menyeluruh bagi menangani masalah kesesakan di wad dan ruang menunggu hospital kerajaan.

Tenaga kerja yang mencukupi adalah kunci untuk menyelesaikan masalah kesesakan di wad dan ruang menunggu. Untuk memastikan rawatan tidak lagi sesak, penyelesaiannya tidak boleh bergantung kepada langkah kecemasan untuk mengurangkan orang ramai, tetapi harus melalui sistem yang teratur dengan pengurusan aliran yang lengkap.

Kakitangan perubatan kerajaan merupakan kumpulan yang menanggung tekanan kerja paling besar dalam sektor awam. Isu ini sangat serius dan memerlukan perhatian serta tindakan pantas daripada kerajaan. Sebelum mengarahkan rakyat untuk mendapatkan rawatan di hospital kerajaan, kerajaan perlu memastikan mereka dapat menilai tahap kesihatan masing-masing terlebih dahulu.

Saya juga berharap setiap Ahli Parlimen kawasan dapat turun ke hospital kerajaan di kawasan masing-masing untuk memahami situasi sebenar. Ini adalah isu yang paling dekat dengan rakyat dan merupakan hak asasi yang patut dinikmati oleh mereka.

Saya baru-baru ini membawa ibu untuk rawatan susulan ortopedik di Hospital Besar Pulau Pinang. Beliau terkejut dengan kesesakan yang berlaku di ruang menunggu. Setelah berbual dengan beberapa kakitangan perubatan dan memahami situasi mereka, saya sangat berharap agar kakitangan perubatan kerajaan tidak perlu bekerja dalam keadaan tekanan tinggi dan tidak selesa seperti ini dalam jangka masa panjang.

Kakitangan perubatan juga tidak berdaya untuk mengatasi keadaan ini kerana ia bergantung kepada pentadbiran dan keputusan kerajaan. Walaupun isu ini telah banyak kali dikemukakan dan dibangkitkan, kerajaan masih gagal menyelesaikannya secara berkesan.

KKM perlu mengkaji sama ada sistem yang digunakan sekarang boleh mempercepatkan pelaksanaan langkah pendigitalan hospital kerajaan atau sebaliknya. Saya percaya langkah ini dapat mempercepatkan masa pesakit menjalani pemeriksaan seperti X-ray, imbasan CT dan ujian-ujian lain.

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
Presiden Nasional GERAKAN

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEWS

By ZAZALI MUSA
metro@thestar.com.my

THE Johor Consumer Claims Tribunal has ordered a tour company in Johor Baru to refund RM9,000 to a paramedic officer who was deceived in buying a holiday package to Europe.

Tribunal president Hafez Zalkapli ordered the respondent to refund the money to the claimant within two weeks.

On June 11, R. Puvanasvary, 52, from Johor Baru's Taman Larkin, was approached by a representative of the tour company in Jalan Ungku Puan, Johor Baru. The company has an office in Solaris Mont Kiara, Kuala Lumpur.

She was offered a 10D/8N European tour to France, the Netherlands, Italy and Norway at a discounted price of RM9,000 for two.

The representative handed over a coupon for Puvanasvary, who works in Singapore, to fill her personal particulars including her mobile number.

A few days later, the claimant received a call informing her that she was lucky to have been chosen for a holiday package to Europe for two.

"My husband and I went to a

THE STAR M/S 5 NGSW 27/11/2024 (RABU)

Tribunal orders company to repay paramedic officer in travel scam



Puvanasvary said something was amiss when the travel company only booked a one-way ticket to Bangkok instead of a return trip.

hotel at Jalan Ngee Heng on June 21. There were many others there too," Puvanasvary said when met outside the Johor Consumer Claims Tribunal at Menara Ansar in Johor Baru.

Puvanasvary and her husband chose the 10D/8N trip with the departure date in

January 2025.

"I transferred RM5,000 and RM4,000 on June 21, and received a toaster as a gift," she said.

She added that the company claimed that a similar trip to these four European countries would easily cost them RM14,000.

Puvanasvary said that on top of the attractive pricing, the company also gave them a complimentary 4D/3N trip to Bangkok, Thailand, with the departure date in June.

She was convinced that the company was genuine as her friend and her husband were holidaying in Vietnam at the time.

"They were given the complimentary trip for signing on for the 18D/16N South India trip for RM11,000 with the same tour company and made a video call in front of the company's representative at the hotel," she said.

However, Puvanasvary said she and her husband

started to sense something was wrong when the company only booked a one-way ticket to Bangkok with no hotel bookings and travel itineraries.

"Another thing which did not make sense to us is that the company told us our European trip was valid for five years, which we found strange," she added.

Later, the claimant found out from her friend who went on the complimentary trip to Vietnam that the company had deducted RM7,000 from their RM11,000 for the Vietnam holiday.

"They knew that they were cheated as a 4D/3N package to Vietnam normally cost below RM2,000 per person inclusive of airfares, accommodation and entrance tickets to places of interest," said Puvanasvary.

Those needing assistance regarding tribunal matters can call 07-227 1755 or 07-227 1766.